# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

## REPOSITORI REKOD NEGERI

### SEKTOR PERKHIDMATAN DEPOSITORI

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

# CARTA ORGANISASI SEKTOR PERKHIDMATAN DEPOSITORI



# CARTA ORGANISASI BAHAGIAN



# PERANAN UTAMA BAHAGIAN



**Membangun dan memperkasakan Koleksi Khas (Koleksi Sarawakiana) Pustaka sebagaimana yang telah termaktub dalam *Sarawak State Ordinance Cap. 29.***



**Menguatkuasakan peranan Pustaka sebagai Pusat Penyerahan Bahan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 15, *Sarawak State Library Ordinance, 1999.***



**Mempromosikan perkhidmatan, program dan aktiviti serta memberi akses bahan-bahan koleksi Pustaka kepada orang awam dan penyelidik untuk tujuan rujukan dan penyelidikan sebagaimana yang telah dinyatakan di bawah *Sarawak State Ordinance Cap. 29.***

# OBJEKTIF UTAMA BAHAGIAN



Untuk memperkayakan koleksi Sarawakiana ke arah membangunkan koleksi yang komprehensif mengenai Sarawak.



Untuk menyumbang ke arah pemeliharaan budaya Sarawak, tadbir urus, sejarah, seni dan dokumentari warisan.



Menjadi sumber intelek yang membantu menggalakkan penyelidikan mengenai Sarawak dan menjana pengetahuan baru bagi penyelidik dan generasi akan datang.

# PERKHIDMATAN / AKTIVITI UTAMA BAHAGIAN



**Perolehan bahan Koleksi Khas terutamanya koleksi bahan Sarawakiana dan Borneo.**



**Perolehan bahan-bahan terbitan (*Legal Deposit*).**



**Pengaksesan dan promosi Koleksi Khas melalui perkhidmatan rujukan dan program.**

# UNIT KOLEKSI KHAS

## BAHAGIAN SARAWAKIANA

PUSTAKA
NEGERI
SARAWAK

# FUNGSI UNIT KOLEKSI KHAS

1. Membangunkan Koleksi Khas melalui pembelian, wasiat/derma, pembangunan kandungan tempatan, sejarah lisan, pendigitan dan serahan bahan (*Legal Deposit*) terutamanya bahan Sarawakiana dan Borneo.
2. Perolehan bahan Koleksi Khas terutamanya koleksi bahan Sarawakiana dan Borneo.
3. Memperkaya kandungan tempatan melalui pendigitilan dan sejarah lisan.
4. Pemprosesan dan pemeliharaan bahan-bahan Koleksi Khas.
5. Pengaksesan dan promosi bahan-bahan Koleksi Khas melalui perkhidmatan rujukan dan program.

# TAKLIMAT PENYERAHAN BAHAN *BEQUEATH* (WAKAF) DAN DERMA

## BAHAGIAN SARAWAKIANA

PUSTAKA NEGERI SARAWAK



# DEFINISI

***Bequeath* (wakaf) ditakrifkan sebagai tindakan memberikan barang atau harta melalui penggunaan wasiat atau dokumen wasiat.**

**Derma ditakrifkan sebagai pemindahan koleksi, harta atau wang peribadi secara sukarela tanpa jangkaan apa-apa faedah.**

**Definisi**




Apa itu *bequeath* (wakaf) dan derma?



# *BEQUEATH* (WAKAF) *DAN* DERMA

Program *bequeath* (wakaf) dan derma adalah merupakan kolaborasi antara Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) dan individu di Negeri Sarawak atau di luar negeri Sarawak (di Malaysia atau di seluruh dunia) dengan tujuan untuk memperkayakan dan membangunkan koleksi yang komprehensif mengenai Sarawak ke arah pemeliharaan budaya Sarawak, tadbir urus, sejarah, seni dan dokumentari warisan serta pengaksesan kepada sumber intelek untuk penyelidik dan generasi akan datang.



# *BEQUEATH* (WAKAF) *DAN* DERMA

- Pustaka akan membantu anda dengan memberikan maklumat ringkas mengenai penyerahan bahan *bequeath* (wakaf) dan derma sebagai panduan umum dengan perbincangan dan rundingan yang lebih terperinci. Kami mengesyorkan agar anda berjumpa dengan penasihat undang-undang anda sebelum membuat sebarang keputusan mengenai penyerahan koleksi anda.
- Pewarisan kepada Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) boleh dibuat melalui wasiat atau melalui surat.



# *BEQUEATH* (WAKAF) *DAN* DERMA

**Kami menerima bahan mengenai Sarawak samada diterbitkan di Sarawak atau di tempat lain yang tiada dalam koleksi Pustaka**

- **Karya seni, lukisan, gambar, peta dan sebagainya**
- **Buku, manuskrip, dokumen lama, jurnal, slaid, risalah, mirofielm dan sebagainya.**
- **Koleksi peribadi yang berkaitan dengan sejarah Sarawak.**




**Apa bahan yang boleh *bequeath* (wakaf) dan derma?**



# FAEDAH PENYERAHAN

**Penyerahan bahan *bequeath* (wakaf) dan derma akan memberi manfaat kepada rakyat Sarawak dan generasi akan datang melalui pemeliharaan budaya dan wariasn Negeri Sarawak.**

**Untuk pembangunan kandungan tempatan melalui penyelidikan dan penciptaan pengetahuan baru.**



# *BEQUEATH*, DERMA DAN WAKAF

- Untuk mengetahui lebih lanjut, anda boleh hubungi kami melalui surat, telefon atau emel ke :

  **Ketua Pegawai Eksekutif**
  Pustaka Negeri Sarawak
  Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
  Petra Jaya 93050
  Kuching Sarawak
  **ATAU**

- Hubungi : **Bahagian Sarawakiana**
  Telephone: +6082-440488
  Fax:+ 6082-440484
  E-mail: statedepository@sarawak.gov.my

# KOLEKIS *BEQUEATH* (WAKAF) DAN DERMA DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

# KOLEKSI TUAN HAJI HAMDAN BIN HAJI MARAIS



**Penyerahan Manuskrip oleh Tuan Haji Hamdan Bin Haji Marais kepada Ketua Pegawai eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Dr. Rashidah Haji Bolhassan pada 1 Apri 2019**



**Manuskrip**

# KOLEKSI TUAN HAJI HAMDAN BIN HAJI MARAIS






**Pantun yang terdapat dalam nota Tuan Haji Marais B. Latif (1887-1990) dalam Bahasa Jawi bertarikh 9 April 1923**

# KOLEKSI DATUK HAJI MOHD MORTADZA BIN HAJI DAUD



Perjanjian MOU antara Pustaka Negeri Sarawak dan waris Allahyarham Datuk Haji Mohd Mortadza Bin Haji Daud, Encik Ahmad Saifi Bin Mohd Mortadza pada 28 April 2016



K A J I A N K A N A K - K A N A K
(Child Study)
'oleh'
MOHD. MORTADZA BIN HAJI DAUD
Kolej Islam Malaya, Klang.



ISI - BUKU INI


| Bab | | Muka Surat |
|---|---|---|
| | Pendahuluan | 1 |
| I | Butir-butir Aam: | |
| | (a) Nama dan Alamat | 2 |
| | (b) Hal Ahwal Rumah Tangga | 2 |
| | (c) Kebaikan dan Keburokan Di-Alami | 4 |
| | (d) Pekerjaan Di-Rumah | 4 |
| | (e) Per-sekolahan, Pergerakan Dan Didekan Rumah | 5 |
| | (f) Adek Beradek Dan Kedudokan Mereka | 6 |
| | (g) Penderian Ibu Bapa Terhadap Pendidekan Anak2 | 8 |
| | (h) Sikap Ibu Bapa Ter-hadap Anak2-nya | 9 |
| | (j) Ber-tanesha | 10 |
| II | Kesuboran Badan Dan Otak: | |
| | (a) Kesuboran Badan | 11 |
| | (b) Kemajuan Di-Masa Belajar | 12 |
| | (c) Makanan | 12 |
| III | Pergaulan: | 13 |
| IV | Perasaan: | |
| | (a) Perasaan-nya Bergaul | 14 |
| | (b) Kesulitan Di-Sekolah | 16 |
| | (c) Akhlak Di-Sekolah | 16 |
| V | Kepintaran: | |
| | (a) Bakat Dan Kebolehan | 16 |
| | (b) Kesulitan | 18 |
| | (c) Kechenderongan | 19 |
| | (d) Sikap Ter-hadap Pelajaran | 19 |
| VI | Penutup: | 20 |


Kajian Kanak-Kanak (*Child Study*)

# KOLEKSI DATUK HAJI MOHD MORTADZA BIN HAJI DAUD



KHURAFAT (KEPERCHAYAAN KARUT) DI-KELANGAN ORANG2 ISLAM DI-SARAWAK, DAN TAFSIRAN-NYA DARI SEGI UGAMA DAN MASHARAKAT.

OLEH

M. MORTADZA HJ. DAUD



1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

SEPATAH KATA DARI PENYUSUN

Segala puji2an bagi Allah, Tuhan yang telah memberi taufik dan hidayah kepada hamba-nya, hingga dapat-lah buku penyiasatan yang ber-tajokkan:

"KHURAFAT (KEPERCHAYAAN KARUT) DI-KALANGAN ORANG2 ISLAM DI-SARAWAK, DAN TAFSIRAN-NYA DARI SEGI UGAMA DAN MASHARAKAT",

penyusun laksanakan.

Penyusun mengaku, bahwa tajok penyiasatan ini sangat rumit untok di-laksanakan, kerana beberpa sebab; di-antara-nya ia-lah:

(i) Kekurangan buku2 sebagai puncha2 pengambilan bahan2.

(ii) Kesontokan masa untok melawat2 ke-tempat2 kediaman orang2 Islam di-seluroh Sarawak.

(iii) Ketiadaan ongkos bagai menjalankan usaha2 ini.

Dalam pada itu, memandang kepada betapa mustahak-nya di-adakan penyiasatan terhadap keperchayaan2 karut di-kalangan orang2 Islam di-Sarawak, serta di-bukukan - kerana belom ada saorang pun yang telah membukukan maudzo' yang tersebut - maka penyusun choba memberanikan diri memileh tajok yangtersebut menjadi penyiasatan. Penyusun mengaku, bahwa apa yang dapat di-bukukan di-sini, belom-lah boleh di-katakan lengkap dan sempurna. Walaumachammana sekali pun penyusun berharap semuga ada faedah-nya untok menambahkan bahan2 pengatahuan am bagi mereka yang membacha-nya, dan semuga dapat-lah khurafat2 yang menghalangkan kemajuan umat2 Islam di-Sarawak di-ketepikan.

Selain dari itu penyusun tidak lupa menguchap setinggi2 terima kaseh kepada mereka2 yang telah bermurah hati membantu penyusun dengan memberi bahan2 penyiasatan yang sangat ber-harga.

Buat akhir-nya penysun persembahkan buku ini kepada Mahaguru2 Kolej Islam Malaya, Kelang, sebagai menunaikan kewajipan penyusun terhadap pengajian tahun akhir (klas ter-tinggi) di-Kolej tersebut.

Sekian-lah.

Penyusun,

Jalan Patinggi Ali,
Kuching, Sarawak.
20 October, 1959.

Mohd. Mortadza Haji Daud.

**Penyiasatan- Thesis khurafat (kepercayaan karut) dikalangan orang Islam di-Sarawak dan tafsiran-nya dari segi Ugama dan masharakaturafat**

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

# KOLEKSI HO AH CHON



*View of Astana*




*Shophouses and bus stop near wharf*

# KOLEKSI HO AH CHON




*Early Kuching Bus*



*Police Station, Municipal building with Sylvia Cinema*




*Kuching City Day*

# KOLEKSI DATIN JULIA CHONG



PUISI

## Kebudayaan Kita

Karya: *Abdul Taib Mahmud*

*Kebudayaan kita sejarahnya purba
lahir menjelma di tamadun lama
bila bertunas, lebat berbunga
mengadun paras, bangsa remaja.*

*Datanglah agama berkembang luas
membawa tenteram ke hidup ganas
datanglah budaya mengecap bekas
mengubah cara membuas-buas
beginilah Asia, mendidik anak
Nusantara muda, dewasa segak.*

*Kebudayaan bangsa berumbi di nusa
pergaulan jelata hawa penumbuhnya
walau dibaja, pengaruh kelana
kebudayaan kita, subur dijiwa.*

*Lautan jernih, membuai cahaya
awan putih, dilambai kelapa
gunung-ganang, lembah saujana
pohon-pohon, kesuma dewangga
keemasan suria, di senjakala
kesepian purnama menyimpan rahsia
semua manis, pandangan jelita
di tangan pelukis di lidah pujangga.*

*Menderu-deru angin berlalu
mendayu-dayu gua menyeru
berdesir-desir daun gemalai
berdesau-desau ombak di pantai
bersiul-siul burung bergurau
ketimbang-ketimbung katak di danau
semuanya merdu menyanyi, mengharu,
membisik telinga, pencipta lagu.*

*Bukalah gerbang pancaindera
jiwa menatang ilham yang tiba
biar melambung perasaan seni
tinggi di usung ciptaan hati*

**Puisi Kebudayaan Kita**




***Music Score***



PUSTAKA NEGERI SARAWAK

